

# 7 Perkara Menarik Mengenai Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP

Mohd Hakam Hassan

dari kaca mata pemimpin pelajar...

"Membangunkan dan mentadbir sebuah universiti yang baru ditubuhkan merupakan satu tugas sukar dan mencabar yang perlu dipikul oleh seseorang Naib Canselor. Biarpun mencecah 7 Tahun penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang pada 1 Februari 2007 lalu telah dijenamakan semula dan kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP. Meskipun UniMAP merupakan sebuah universiti yang baru bertapak, namun ianya dilihat sudah berupaya untuk berdiri sendiri dengan nama universiti-universiti awam lain yang telah lama ditubuhkan di Malaysia. Dengan memiliki prasarana pembelajaran yang kondusif biarpun dikategorikan sebagai "Kampus Teragih" ianya bukan satu penghalang kepada kecemerlangan dan kegemilangan Universiti Malaysia Perlis di bawah pimpinan Naib Canselornya yang pertama iaitu Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin.

"Dipetik daripada Buletin HEPA@UniMAP Edisi 1 (Januari - April 2008)"

Dalam edisi kali ini, editor cuba untuk mengetengahkan dan mengupas mengenai perkara-perkara menarik berkenaan Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin dari kaca mata warga UniMAP melalui segmen "7 Perkara Menarik Mengenai Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP".

Untuk penerbitan kali ini, editor telah mendapatkan komentar berkenaan topik tersebut daripada Saudara Muhammad Nur bin Misbah, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Sesi 2009/2010 selaku pimpinan pelajar di UniMAP.

## 1. DAYA KEPIMPINAN

"Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor merupakan seorang yang sangat berkepimpinan dan mempunyai pandangan yang jauh dalam mentadbir universiti. Walaupun UniMAP adalah sebuah universiti yang baru tetapi beliau mampu membawa UniMAP ke satu tahap di mana setaraf dengan universiti yang sudah lama di Malaysia. Boleh

dikatakan UniMAP sekarang ini "from zero to a hero" di atas hasil kepimpinan beliau. UniMAP kini boleh dianggap juara dari pelbagai bidang hasil kepimpinan beliau".

## 2. PRIHATIN

"Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor juga amat prihatin kepada semua warga UniMAP terutama sekali tentang kebijakan. Pendirian dan keprihatinan beliau ini amat bertepatan dengan slogan 1Malaysia yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri kita dengan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

## 3. MESRA PELAJAR

"Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor merupakan seorang yang mesra dan mudah untuk didampingi oleh pelajar. Sikap beliau yang peramah menjadikan beliau amat disenangi oleh semua warga UniMAP terutamanya pelajar. Beliau yang sentiasa turun padang untuk bersama Warga UniMAP ini menyebabkan beliau dihormati dan dipandang tinggi oleh warga UniMAP terutamanya. Sentiasa tidak lokek dengan senyuman antara faktor yang menyebabkan pelajar lebih mudah bertegur sapa dengan beliau".

## 4. KOMITMEN DAN BERDEDIKASI

"Komitmen dan Dedikasi yang ada dalam diri Yang Berbahagia Dato' amat terserlah. Ianya merupakan asas yang penting kepada beliau sehingga menyaksikan pelbagai usaha yang telah dirancang oleh beliau bersama pengurusan universiti untuk menaikkan nama UniMAP dengan cukup drastik.

## 5. SPORTING DAN MENGETAHUI AKTIVITI YANG MENYIHATKAN BADAN

"Selain daripada memiliki keupayaan untuk daya kepimpinan dalam memimpin sebuah organisasi, Yang Berbahagia Dato' juga merupakan seorang yang cukup "Sporting" apabila berada di dalam majlis bersama kakitangan dan pelajar UniMAP. Beliau tidak keberatan untuk naik ke pentas bagi membuat persembahan apabila dijemput. Kebiasaannya beliau akan menyampaikan persembahan

senyuman lagu-lagu irama 60'an, 70'an dan banyak lagi. Antara lagu yang kerap beliau dendangkan adalah lagu "Malayuhan Pantai". Selain daripada itu, beliau juga amat mengemar aktiviti-sporting dan menyihatkan badan. Antara yg sering dominan beliau adalah senyorbik.

## 6. TUGAS

Dalam keramahan beliau terselit ketegasan. Beliau amat tegas dengan pendirian beliau. inilah kualiti kepimpinan yg perlu ada pada pemimpin.

## 7. BERTANGGUNGJAWAB

Antara perkara-perkara yang dapat menggambarkan Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor merupakan seorang yang bertanggungjawab pada pengamatan saya adalah apabila beliau telah sanggup menolak tawaran sebagai Naib Canselor di UiTM. Penolakan tersebut adalah disebabkan oleh kerana beliau merasakan bahawa tanggungjawab beliau di UniMAP (membangunkan UniMAP) masih banyak yang belum selesai.

